



Mengisi masa sebelum bekerja tetap

Lazimnya, keputusannya temu duga hanya diketahui selepas seminggu atau mungkin beberapa bulan.

Calon tentu gembira mendapat pekerjaan selepas bersusah payah melalui proses permohonan dan temu duga. Tahiah jika calon berjaya ditawarkan pekerjaan.

Bagaimana pula bagi yang belum berjaya atau sedang menunggu tawaran pekerjaan? Lakukanlah sesuatu bagi mengisi masa yang ada dan pada masa sama terus berusaha memohon pekerjaan tetap.

Sewajarnya, aktiviti dilakukan itu boleh menjana pendapatan bagi membantu kehidupan selain pengalaman dan kemahiran yang boleh menyokong permohonan kerja.

Berikut beberapa aktiviti berfaedah yang mungkin boleh dijadikan pilihan:

▪ Menghadiri kursus teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

Realiti menunjukkan penggunaan ICT menjadi kemestian dalam urusan organisasi sama ada awam atau swasta. Keadaan itu memerlukan tenaga kerja khususnya dalam kalangan pegawai dan eksekutif yang celik ICT.

Calon yang masih ketinggalan dalam ilmu ICT wajar mengikuti kursus pendek selama tiga hingga enam bulan yang bersesuaian

dengan keperluan bakal majikan.

Kursus itu mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang akan memudahkan calon apabila bekerja.

▪ Mengikuti kursus bahasa

Calon boleh mengikuti kursus bahasa termasuk bahasa Inggeris semasa menunggu tawaran pekerjaan daripada bakal majikan. Inilah masa yang sesuai untuk meningkatkan penguasaan bahasa.

Penguasaan dan pengukuhan dalam bahasa kedua adalah bekal yang berguna dan mampu membantu calon dalam memperoleh pekerjaan.

▪ Menyertai kursus keusahawanan

Jika lulusan institusi pengajian tinggi (IPT) mempunyai minat yang tinggi untuk menceburi dunia keusahawanan, sertailah sebarang kursus pendek.

Kursus itu membolehkan graduan mempecahkan masalah dan mengumpulkan pengetahuan mengenai

ilmu keusahawanan termasuk pengurusan risiko, kreativiti, inovasi, keyakinan, kreatif, inovatif dan disiplin.

Hal ini kerana ilmu itu bukan saja untuk menjadi usahawan, malah boleh digunakan dalam kerjaya kelak.

▪ Menduduki ujian memandu

Memiliki lesen memandu khususnya kereta menjadi kemestian kepada golongan pekerja. Menduduki ujian dan memiliki lesen

memandu sebelum memperoleh pekerjaan adalah langkah yang betul sebagai persediaan untuk bekerja.

Banyak jawatan peringkat eksekutif diiklankan oleh syarikat memerlukan calon memiliki lesen memandu kereta.

▪ Membantu perniagaan keluarga

Sementara menunggu mendapat pekerjaan tetap, cuba bantu keluarga atau saudara

mara yang menjalankan perniagaan produk atau perkhidmatan.

Langkah itu sekurang-kurangnya memberi pendedahan dan pengalaman baharu khususnya berurusan dengan pelanggan serta boleh menjana pendapatan untuk diri.

▪ Guru sandaran

Guru sandaran bukan saja diperlukan di sekolah kerajaan tetapi sekolah swasta. Malah, pusat tuisyen yang begitu banyak diwujudkan mungkin memerlukan tenaga lulusan universiti.

Dapatkan maklumat daripada pejabat pendidikan daerah, sekolah atau pusat berkenaan di kawasan anda yang mungkin memerlukan tenaga pengajar dalam bidang berkaitan.

▪ Pembantu penyelidik

Penyelidikan adalah kegiatan penting universiti yang dilakukan oleh ahli akademik. Lazimnya aktiviti itu memerlukan pembantu penyelidik yang menjalankan tugas di makmal, mengedarkan soal selidik, mencari bahan ilmiah, menulis dan menye-

diakan laporan kajian.

Jika berminat, bertaunya kepada pensyarah yang mungkin memerlukan khidmat graduan. Pembantu penyelidik dibayar elaun bulanan yang berpatutan sehingga tamat penyelidikan itu.

▪ Berkarya di media cetak

Jika graduan mempunyai banyak idea dan suka berkarya, gunakan kelebihan itu untuk menghasilkan rencana atau cerpen dan dihantar ke media cetak termasuk akhbar atau majalah. Idea bernas khususnya berkaitan isu semasa boleh menarik minat editor untuk menerbitkannya.

▪ Kesukarelawanan

Graduan juga boleh terbabit dalam aktiviti kesukarelawanan yang dianjurkan badan bukan kerajaan. Pembabitan dalam aktiviti seumpama itu boleh mewujudkan jaringan dengan pelbagai pihak yang mungkin membuka peluang untuk mendapat pekerjaan.

Graduan boleh meneruskannya walaupun sudah mendapat pekerjaan tetap. Walaupun mungkin kelihatan kecil, sumbangan anda amat bermakna bagi membangunkan kesejahteraan masyarakat.

Pembabitan dalam aktiviti kesukarelawanan dapat meningkatkan kemahiran insaniah graduan.

